

AGENDA

MAOPAN

SEPTEMBER 2016

*Memperkaya
Khazanah
Memupuk Cinta
Kepada Alam*

**SEMPENA JELAJAH FORUM DAN EKSPO MAMPAK
BERTANDANG DI TERENGGANU | 16 - 17 SEPTEMBER 2016**

ISI KANDUNGAN

- | | |
|---|--|
| <p>03
Pendahuluan</p> <p>04
Aturcara Program</p> <p>08
5 Perkara Anda Perlu Tahu Mengenai Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca</p> <p>12
Beach Clean Up</p> <p>14
Program KERSANI</p> <p>15
Choral Speaking</p> <p>17
Institut Oseanografi dan Sekitaran</p> <p>18
Fokus Penyelidikan INOS</p> | <p>19
Institut Akuakultur Tropika</p> <p>20
Public –Private Research Network</p> <p>21
Teroka Khazanah Laut</p> <p>23
Batik Canting</p> <p>24
Latar Belakang SWcorp</p> <p>24
Star Gym - look good, feel good</p> <p>25
Sejarah Ringkas Universiti Malaysia Terengganu</p> <p>26
Loghat Terengganu</p> |
|---|--|

Pendahuluan

Serentak dengan berlangsungnya **Hari Malaysia, Jelajah Forum & Ekspo MAMPAN 2016** bertandang di negeri Terengganu pada **16 - 17 September 2016** bertemakan **“Memperkaya Khazanah Memupuk Cinta Kepada Alam”**

Jelajah Forum & Ekspo MAMPAN 2016 mengarah kepada pembangunan mampan atau berkelanjutan (sustainable development) selari dengan aspirasi yang terangkum di dalam Model Baru Ekonomi Negara:

- 3.3. Malaysia should lead the global green revolution
- 5.1. The New Economic Model – A sustainable, inclusive, high income economy

Terengganu merupakan negeri yang kaya dengan khazanah laut dan bersesuaian dengan itu Forum & Ekspo MAMPAN kali ini menampilkan berbagai informasi dan peluang perekonomian berdasarkan sumber laut.

Berbagai hasil penelitian dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Terengganu bakal dikongsikan dengan para pengunjung dan peserta dalam berbagai program yang disediakan.

Di samping itu Ekspo MAMPAN memberi ruang kepada pempamer dari serata Negara untuk menampilkan berbagai produk dan perkhidmatan yang bertepatan dengan agenda pembangunan mampan.

BERSAMA MEMBANGUN MASA DEPAN YANG MAMPAH

Aturcara Program

JUMAAT, 16 SEPTEMBER 2016

TAKLIMAT DAN PERSIAPAN PEMPAMER PUSAT DAGANGAN TERENGGANU, TTC

- 8.00am - 9.00am : Taklimat Urus Setia
9.00am - 10.00am : Pendaftaran Pempamer
10.00am - 11.00pm : Taklimat Pempamer
: Persiapan Booth oleh Pempamer

MAJLIS PELANCARAN “BEACH CLEAN UP & LITTER PICKING” PANTAI KELULUT, MARANG

- 2.15pm : Ketibaan dan Pendaftaran Peserta
2.30pm : Sesi Taklimat;
1. Ke Arah Negara Bersih, Indah, Selamat, dan Sejahtera
2. Tanggungjawab bersama memelihara kelestarian dan
Khazanah Alam
3.30pm : **Sesi Demonstrasi**
1. Pengasingan Sisa di Punca
2. Pengkomposan Sisa Makanan/Dapur
4.00pm : Rehat
4.45pm : Ketibaan Tetamu dan dif-dif Jemputan
5.00pm : Bacaan Doa
: Ucapan Pembukaan oleh
Yang Berbahagia Prof. Dr Anuar Bin Hassan
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Terengganu
: Ucaptama dan Pelancaran oleh

YBhg Tuan Hj Zainal Abidin B Mohamad

Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Daerah Marang

: Gimik Pelancaran '**Beach Clean Up & Litter Picking**'

: Penyampaian Cenderamata

: Aktiviti "**Beach Clean Up & Litter Picking**"

: Jamuan

7.00pm : Bersurai

MAJLIS PERASMIAN

PANTAI KELULUT, MARANG

8.00pm : Ketibaan dan Pendaftaran Peserta

8.20pm : Ketibaan tetamu dan dif-dif jemputan

8.50pm : **Choral Speaking**

: Persembahan Montaj

1. Jelajah Forum dan Ekspo MAMPAN 2016 Peringkat Negeri Terengganu

2. Video Korporat SWCorp

3. Video Korporat UMT

4. Video "**Beach Clean Up & Litter Picking**"

: Ucapan Alu-Aluan oleh

En Mohd Zulhilmi Bin Mohd Baharudin, Pengarah Program

Jelajah Forum dan Ekspo MAMPAN Peringkat Negeri

Terengganu 2016

: Ucapan Khas oleh

YBhg Tuan Hj Zainal Abidin B Mohamad

Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Daerah Marang

: Ucapan Khas dan Pelancaran oleh

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Zubir Bin Embong

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN)

: Gimik Pelancaran Jelajah Forum dan Ekspo MAMPAN 2016

Peringkat Negeri Terengganu (JFEM16KT)

• Kempen "**Anti-Litter**" 2016 Peringkat Negeri Terengganu

• Sukarelawan "**Green Ranger**"

- : Penyampaian Cenderahati
 - : Sambutan Hari Malaysia
 - : **Persembahan Kebudayaan KERSANI**
 - Tarian dan Muzikal
 - ISPEN
 - : Sidang Media / Jamuan
- 11.00pm : Bersurai

SABTU, 17 SEPTEMBER 2016

KAYUHAN BMI

PUSAT DAGANGAN TERENGGANU, TTC - UMT - TTC

7.00am : Pendaftaran Peserta Kayuhan dan Persiapan Basikal di TTC

8.00am : Nyanyian Lagu Negaraku, Bacaan Ikrar, Sesi Regangan,
Taklimat PDRM, Taklimat Ketua Jelajah

8.30am : Pelepasan peserta Kayuhan BMI ke UMT
Lawatan Umum Daripada Orang Awam ke UMT (Galeri INOS
dan AKUATROP)

9.30am : Tiba di UMT

- Berkumpul dan berbaris di Bangunan Canselori
- Sesi bergambar

: Bergerak ke Auditorium;

- Taklimat '**Pemakanan Sihat untuk Atlet**' oleh **Dr Hayati Binti Mohd Yusof**
- Taklimat dan pembahagian kumpulan oleh **En Mustafa (PERINTIS)**

10.00am : Lawatan secara bergilir:

1. **Akuatrop** (Hatchery)
2. **Akuatrop** (Galeri)
3. **Inos**

11.30am : Bertolak ke TTC

12.30pm : Tiba di TTC

- Nyanyian Lagu Negaraku

- Taklimat Ketua Jelajah
- Taklimat Penjagaan Basikal

BENGKEL, FORUM DAN EKSPO MAMPAN PUSAT DAGANGAN TERENGGANU, TTC

8.00am : Pendaftaran Peserta Bengkel dan Forum

9.00am : Pembukaan Majlis oleh MC Bacaan Doa

9.30am : **Penerangan Program Public-Private Research Network (PPRN)** oleh Pusat Keusahawanan dan Kerjaya UMT

10.00am : Bengkel '**Go Nature'**

1. Arowana: **Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung**

2. Belangkas: **Prof. Madya Dr. Noraznawati Binti Ismail**

3. Udang: **Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin Bin Abdullah**

11.30am : Bengkel '**Waste To Energy**' & '**Waste To Wealth**' disampaikan oleh **Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Pauze Bin Mohamad**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp Malaysia

12.30pm : Rehat/Makan/Solat

2.00pm : Forum "**Menyingkap Khazanah Laut China Selatan**"

Moderator: En Amirudin Bin Rasedin , Aktivis dan Sukarelawan MAMPAN

Panel 1: En Muhammad Affandi Bin Hamzah, Pengusaha Uptown Kontena

Panel 2: En Hazim Nordin, Pengurus Koperasi Industri Produk ikan Desa Johor Berhad (KIPID)

Panel 3: Prof Madya Dr. Aidy @ Mohamed Shawal Bin M Muslim, Timbalan Pengarah, Penyelidikan dan Perkhidmatan, INOS, UMT

ACARA PENUTUP

PUSAT DAGANGAN TERENGGANU, TTC

4.00pm : Ketibaan Dif-dif Jemputan

: Persembahan Tarian oleh Pusat Kebudayaan dan Kesenian UMT

4.30pm : Penyata Forum dan Ekspo MAMPAN Terengganu oleh
En Ramlan bin Harun, Pengarah Program MAMPAN Nasional
: Ucapan Khas oleh
YBhg Prof Dr Fauziah binti Haji Abu Hasan
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan
Industri) Universiti Malaysia Terengganu
: Sekalung Penghargaan:
En Ahmad Ruzinan Maphilindo bin Mohd Isa
Pengerusi, Jelajah Forum dan Ekspo MAMPAN / Presiden,
Pertubuhan Masyarakat Integriti Malaysia
: Penyampaian Cenderamata
Nyanyian Lagu Rakyat oleh Pusat Kebudayaan dan Kesenian
UMT
: Lawatan VIP ke Booth Pameran dan Jualan
: Sidang Media / Jamuan

6.30pm : Bersurai

5 Perkara Anda Perlu Tahu Mengenai Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca

Tan Su Lin, Astro Awani | Mei 20, 2016 08:21 MYT

KUALA LUMPUR: Bermula 1 September 2015, kerajaan telah mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah secara berperingkat. Pelaksanaan ini adalah berdasarkan peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa di negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Denda kompaun maksimum sehingga RM1,000 akan dikenakan jika didapati enggan melaksanakan pengasingan sisa pepejal mulai 1 Jun

ini. Berikut lima perkara yang anda perlu tahu mengenai pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca:

1. Apa itu pengasingan sisa pepejal di punca?

Pengasingan sisa pepejal di punca (SAS) adalah proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di punca mengikut komposisi sisa pepejal seperti kertas, plastik, lain-lain bahan kitar semula (kaca/seramik, tin aluminium/besi/logam, sisa elektronik/barang elektrik lain, bahan fabrik/kasut/getah/kulit dan sisa berbahaya) dan sisa baki (sisa makanan, lampin pakai buang dan sisa lain yang kotor).

2. Mengapa kerajaan ingin melaksanakan pengasingan sisa pepejal?

Di Malaysia, dianggarkan jumlah bahan-bahan kitar semula yang dibuang ke tapak pelupusan sampah setiap tahun adalah sebanyak 2.3 juta tan dengan anggaran nilai mencecah RM900 juta. Pada tahun 2013, jumlah penjanaan sisa negara meningkat kepada 33,000 tan sehari, berbanding 19,000 tan sehari pada tahun 2005.

Ini bermakna purata pertambahan janaan sisa pepejal setahun secara linear ialah 6.7 peratus, iaitu jauh lebih tinggi berbanding purata kadar pertambahan di peringkat global iaitu 3 peratus sahaja. Ini juga bermakna kadar pertambahan amaun sisa pepejal negara adalah dua kali ganda daripada sepatutnya.

Sebagai negara maju, Malaysia sepatutnya mencapai 22 peratus kadar kitar semula pada tahun 2020 seperti dicatatkan oleh negara maju lain iaitu Jerman 62 peratus, Austria 68 peratus, Taiwan 60 peratus dan 59 peratus kadar kitar semula di Singapura.

Namun buat masa ini, hanya 17.39 peratus sahaja rakyat Malaysia yang mengamalkan aktiviti kitar semula, walaupun kerajaan telah memperkenalkan program pengasingan sisa pepejal di punca sejak 1 September 2015.

3. Bagaimana melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca?

Secara mudahnya, sisa pepejal hendaklah diasingkan kepada sisa yang boleh dikitar semula dan sisa baki. Sisa baki merupakan sisa pepejal isi rumah yang tidak boleh dikitar semula seperti sisa makanan dan sisa-sisa kotor. Sisa baki ini perlu diikat kemas dan diletakkan dalam tong sampah yang disediakan. Sisa ini akan dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sisa pepejal yang boleh dikitar semula perlu diasingkan mengikut jenis sisa pepejal seperti berikut:

a. Kertas - surat khabar, majalah, buku panduan, komik, katalog, kertas komputer, kertas A4, kertas berwarna, resit, bil , kotak kertas, kadbod, kalender, sampul surat, poskad, risalah, dan bungkusan pos.

b. Plastik - botol minuman ringan, botol jus, botol minuman air mineral, bekas makanan, bekas sabun cecair mandian, botol syampu, botol makanan kesihatan/vitamin, bekas pencuci pakaian/lantai, botol kicap, baldi ,beg plastik, bekas ais krim dan lain - lain jenis plastik.

c. Lain-lain bahan kitar semula iaitu:

i. Kaca/Seramik - botol kicap, botol sos, botol jem, botol minuman ringan, botol vitamin, bekas kosmetik, pinggan kaca dan sebagainya. Serentak dengan berlangsungnya Hari Malaysia,

Jelajah Forum & Ekspo

MAMPAN 2016 bertandang di negeri Terengganu pada 16 - 17 September 2016 bertemakan

'Memperkaya Khazanah Memupuk Cinta Kepada Alam"

ii. Tin aluminium/besi/logam lain - tin minuman ringan, tin makanan dan sos, tin biskut, tin makanan cecair, alatan dapur seperti sudu, periuk senduk dan sebagainya.

iii. Sisa elektrik/barang elektrik kecil - bateri, kalkulator, telefon bimbit, peralatan elektrik, lampu kalimantan, lampu LED, cerek elektrik, dapur elektrik dan sebagainya.

iv. Bahan fabrik/kasut/getah/kulit - kasut, beg tangan, pakaian, sarung tangan dan sebagainya.



- v. Sisa berbahaya - bekas penyembur ubat nyamuk,tin cat, bekas racun, bekas bahan pelarut, bekas ubat anai-anai dan sebagainya. Sisa kitar semula ini perlu diletakkan dengan kemas di tepi tong pada hari kutipan.

Bagi memudahkan pengasingan sisa pepejal dilaksanakan di rumah, orang ramai digalakkan menyediakan apa-apa bekas yang bersesuaian seperti kotak atau bakul sampah untuk mengasingkan sisa.

4. Bilakah kutipan dibuat ke atas sisa pepejal yang telah diasingkan?

Bagi sisa pepejal yang telah diasingkan seperti kertas, plastik, lain-lain bahan kitar semula, kutipan akan dibuat sekali seminggu. Kutipan ini juga akan dibuat bersekali dengan kutipan sisa pukal dan sisa kebun. Manakala, sisa baki pula, kutipan akan dibuat dua kali seminggu.

Kutipan dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh pihak kerajaan. Jadual kutipan akan dipaparkan pada papan tanda jadual perkhidmatan di kawasan masing-masing.

5. Apa berlaku sekiranya gagal mengasingkan sisa pepejal di punca?

Denda kompaun maksimum sehingga RM1,000 akan dikenakan mengikut Akta 672, jika didapati enggan melaksanakan pengasingan sisa pepejal berkuatkuasa 1 Jun ini.

Bagi premis bertanah, kadar kompaun RM50 dikenakan bagi kesalahan pertama, RM100 bagi kesalahan kedua dan RM500 bagi kesalahan ketiga. Bagi premis beringkat, kadar kompaun yang dikenakan ke atas Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi kesalahan pertama adalah sebanyak RM100, RM200 bagi kesalahan kedua dan RM500 bagi kesalahan ketiga.

Sesi Demo '**Pengasingan Sisa Pepejal Dari Punca**' dan '**Pengkomposan Sisa Makanan/Dapur**' dijadualkan berlangsung pada pukul 3.30pm - 4.00 pm bertarikh **16 September 2016** di Jelajah Forum & Ekspos MAM PAN Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertempat di **Pantai Kelulut, Marang**

Beach Clean Up

NAMA PROGRAM :

“Program Transformasi Terengganu Terbersih dalam Pembudayaan kebersihan, kitar semula dan Beach Clean Up di Pantai Peranginan Kelulut, Marang, Terengganu sempena Jelajah Forum dan Eksspo Mampan Peringkat Negeri Terengganu.



ANJURAN BERSAMA :

Setiausaha Kerajaan Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Daerah Marang, Pejabat Daerah Marang, Jabatan Kerja Raya Marang, SWCorp Negeri Terengganu, Persatuan Perintis Usahawan Sosial Terengganu (PERINTIS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pertubuhan Masyarakat Integriti Malaysia (PMIM) dengan kerjasama Agensi-agensi yang berkaitan; Jabatan Penerangan Unit Komunikasi Negeri (UKOM), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Alam Sekitar, Koperasi Jaringan Muamalat Integriti Selangor Berhad (KOJAMIN), Associated Cyclosportif Trekkers (ACT), Persatuan Ikatan Seniman Perpaduan Nasional (ISPEN) dan Yayasan al-Tarbiyah Malaysia.

LATAR BELAKANG :

Penganjuran Program Transformasi Terengganu Terbersih dalam Pembudayaan kebersihan, kitar semula dan Beach Clean Up dalam siri Jelajah Mampan di Pantai Timur bertepatan dengan lokasi dan pembersihan kawasan sekitar pantai sebagai simbolik kepada kebersihan pantai dan aspek penjagaan kebersihan kepada peniaga

dan orang awam, bertepatan sebagai memberi sokongan kepada titik tolak aktiviti usahawan untuk menerapkan aspek kelestarian dalam kehidupan seharian seperti yang dicetuskan oleh Persatuan Perintis Usahawan Sosial Terengganu (PERINTIS).

Penjanaan sisa pepejal secara keseluruhan semakin meningkat dan pengendalian sisa yang betul amat penting. Kesan pembuangan sisa pepejal di kawasan pesisir pantai menyebabkan kematian hidupan marin mati kerana toksik dalam perut yang disebabkan oleh sisa yang disangka sumber makanan yang tidak sesuai oleh sistem perkumuman dan pemakanan.

Visi dan misi SWCorp sebagai penganjur bersama sebagai sebuah agensi yang mengurus dan mengendalikan aspek kebersihan dan pengurusan sisa pepejal telah menjalankan pelbagai aktiviti di peringkat negeri mengenai aspek kebersihan dan pengurusan sisa pepejal lestari manakala UMT merupakan sebuah universiti berfokus bidang marin yang telah menjalankan pelbagai program beach clean up di sekitar pantai di daerah Kuala Nerus.

SWCorp dan UMT telah bersama-sama giat menjalankan aktiviti seumpama di sekitar Terengganu dan ianya perlu dijalankan dari semasa ke semasa oleh pelbagai pihak untuk memberi kesedaran berterusan. Usaha pengisian program ini dalam Jelajah Mampan merupakan usaha yang amat baik dalam melestarikan usaha penjagaan alam sekitar.

OBJEKTIF :

- i) Meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan menerapkan aspek kelestarian dalam kehidupan seharian yang memberi impak positif terhadap menangani masalah alam sekitar yang semakin meruncing.
- ii) Memberi panduan kepada orang awam mengenai pengendalian sisa di punca seperti pengasingan sisa yang betul da meningkatkan aktiviti kitar semula.

Acara ‘Beach Clean Up’
dijadualkan berlangsung pada pukul 2.00-7.00 pm bertarikh 16 September 2016 di Jelajah Forum & Ekspo MAMPAK Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertempat di **Pantai Kelulut, Marang**

- iii) Memberi informasi kepada orang awam tentang jumlah kutipan daripada aktiviti pembersihan pantai untuk memberi kesedaran bahawa betapa banyak sisa buangan yang akan membahayakan kehidupan marin dan kepentingan menjaga kawasan pesisir dan lautan daripada pembuangan sampah tidak terkawal.
- iv) Memberi maklumat kepada orang awam bahawa sesetengah sisa yang dibuang tidak sepatutnya berada di kawasan sekitar pantai.

Program KERSANI

KERSANI (Kembara Seni dan Budaya GenerasI membangun) adalah satu usaha daripada pihak ISPEN dalam menyemarakkan kebudayaan dan kesenian tanahair dalam usaha melahirkan generasi membangun ke arah negara Malaysia yang berperadaban tinggi. Ianya merupakan suatu hasrat dan usaha berterusan dengan menggabungkan pelbagai pihak bagi mencapai cita-cita yang terkandung dalam pernyataan Rukun Negara serta objektif dan strategi perlaksanaan yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Persembahan kebudayaan '**KERSANI**' bakal mengiringi para peserta Majlis Pelancaran Jelajah Forum & Ekspos MAMPAN Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertarikh 16 Sep 2016 bertempat di **Pusat Perdagangan Terengganu**, Kuala Terengganu



OBJEKTIF PROGRAM

1. Meninggikan kebudayaan dan kesenian tanahair
2. Memupuk permuafakatan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat
3. Kebudayaan dan kesenian sebagai medium pendidikan kepada masyarakat
4. Mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara

Choral Speaking

Assalamualaikum alaikum, yeahhh
Assalamualaikum alaikum, yeahhh
Assalamualaikum alaikum, yeahhh
Assalamualaikum alaikum, yeahhh
Assalamualaikum, tuan2 dan puan2.
Bersama kami, generasi akan datang
mengupas isu pencemaran dan alam
semula jadi.

Acara **Choral Speaking**
bertajuk '**Alam Semulajadi**'
bakal dipersembahkan oleh
murid-murid **Tadika Cahaya**
Warisan, Gong Badak sewaktu
Majlis Pelancaran Jelajah
Forum & Ekspo MAMPAN
Peringkat Negeri Terengganu
2016 bertempat di **Pantai**
Kelulut, Marang

SEGMENT 1

S¹ : Huk huk huk (batuk)

O : Kenapakah?

S¹ : Terlalu banyak asap, kita kena cari pokok untuk udara segar.

O : Pokok kat mana? Pokok2 kat mana? (Ulang 2 kali)

O : Ish.. Ish.. Ish.. Sekarang tiada lagi udara segar untuk kamu sedut.

O : Kami generasi hidup di hutan konkrit, sana bangunan sini bangunan

O : Last2, kami berjalan bawak tong oksigen.

SEGMENT 2

S¹ : Ehh, ehh, tengok tu, ayam laaa. Kok kok kok

O : Mana? Mana? Itu itik la, ha ha ha

S¹ : Eh ia kah? Silap. Hidup di bandar, cuma ade haiwan peliharaan

O : Saya kucing (meow 5 kali)

Saya burung (cip 5 kali)

Saya ikan (blurp 5 kali)

O : Ish.. Ish.. Ish.. Sekarang tiada lagi fauna untuk kami dekati.

O : Kami generasi hidup di hutan konkrit, sana bangunan sini bangunan

O : Jika kami mahu kenal haiwan, hanyalah di telefon pintar.

SEGMENT 3

S¹ : Eh, eh korang. Cuti sekolah nanti, saya mahu mandi manda di sungai.

O : Waaaaa, seronaknye. Saya suka, saya suka

S² : Eeeeeeee, gelinya

O : Kenapakah?

S² : Air sungai hitamkan? Air sungai bersihke? Takde sampah ke? Takde ulat ke?

O : Sungai ooo sungai,

Kenapa engkau kotor,

Macam mana aku tak kotor,

Sampah banyak sangat,

Sampah banyak sangat.
Sampah ooo sampah,
Kenapa banyak sangat,
Macam mana aku tak banyak,
Orang buang merata,
Orang buang merata.

- O : Ish.. Ish.. Ish.. sekarang tiada lagi istilah mandi manda di sungai.
- O : Kami generasi hidup di hutan konkrit, sana bangunan sini bangunan
- O : Kalau kami mahu mandi manda, hanyalah di kolam renang.

SEGMENT 4

- S¹ : Alaaaa, tak jadi la mandi sungai.
- S¹ : Mmmmm, saya mahu berkhelah di hutan lah.
- O : Zaman sekarang masih boleh bekhelah di hutan ke? Masih ade pokok? Masih ade rumput hijau?
- S¹ : Ishhh, tak la. Kami akan berkumpul di resort.
- O : Ish.. Ish.. Ish.. sekarang tiada lagi hutan rimba untuk kami jejaki.
- O : Kami generasi hidup di hutan konkrit, sana bangunan sini bangunan.
- O : Jika kami mahu berkhelah, kami pasti akan mencari penginapan konkrit yg paling selesa.

SEGMENT 5

- O : Kami generasi akan datang, menyeru semua generasi masa kini untuk menyelamatkan alam semula jadi.
- O : Berilah peluang untuk kami hidup di alam semula jadi yg indah ini.
- S¹ : Tapi, macam mana nak selamatkan alam semula jadi?
- O : Mudah saja, kita mulakan dengan diri kita. Yaaa, diri kita. Mula-mula, tanamkan sikap sayangi alam semula jadi.
- S¹ : Macam mana?
(Isi2)
- S² : Jangan buang sampah merata
- S³ : Hentikan pembakaran terbuka
- S⁴ : Hentikan pemburuan haram

PENUTUP

- S¹ : Kalau kita yg tak buang sampah, tapi orang lain buang sampah merata, tetap alam semula jadi akan tercemar.
- O : Jadi, kita perlu berkerjasama dan menyeru orang ramai untuk menjaga alam semula jadi.
- O : Kita boleh menggunakan kempen sedia ada, iaitu 3R
 - Recycle (kitar semula)
 - Reuse (guna semula)
 - Reduce (kurangkan)
- O : Ini boleh membantu mengurangkan sampah dan menyelamatkan alam semula jadi

Institut Oseanografi dan Sekitaran

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) suatu ketika dahulu terlebih dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti Terengganu (KUT). KUT mempunyai peralatan oseanografi yang lengkap termasuk dua buah kapal penyelidikan persisiran pantai, peralatan saintifik serta kakitangan akademik dan sokongan yang terlatih di dalam pelbagai bidang oseanografi.

Lawatan pemeriksaan pakar rujuk dari UNESCO iaitu Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC) ke KUT juga telah memperakarkan kekuatan oseanografi di KUT dan mencadangkan penubuhan sebuah pusat kecemerlangan iaitu Institut Oseanografi.

Memandangkan kecemerlangan dalam bidang oseanografi perlu dipertingkatkan, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Putra Malaysia di dalam mesyuaratnya pada 28 November 1988 telah bersetuju untuk menubuhkan Institut Oseanografi (INOS) di KUT.

Jemaah Menteri melalui Kementerian Pendidikan pula meminta supaya penubuhan institut ini dapat merangka perancangan penyelidikan dan latihan peringkat tertinggi dalam bidang marin, sumber asli marin dan persekitaran pesisir dan muara dan dapat dijalankan secara terfokus untuk kepentingan negara.

Akhirnya, pada 27 Mac 2001, Jawatankuasa Kecil Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan telah bermesyuarat dan seterusnya memperakarkan penubuhan Institut Oseanografi.

Mesyuarat Senat Khas kali ke-46 yang bersidang pada 29 Mac 2011 (Minit 1/46/2011) yang lalu telah bersetuju untuk menubuhkan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Keputusan ini diambil untuk memenuhi keperluan semasa demi kecemerlangan institut.

Sehubungan dengan itu, Institut Oseanografi (INOS) kini dikenali sebagai Institut Oseanografi dan Sekitaran / Institute of Oceanography and Environment.

Fokus Penyelidikan INOS



Institut Akuakultur Tropika

AKUATROP adalah salah satu daripada 21 pusat kecemerlangan akuakultur di dunia. Objektif penubuhan AKUATROP adalah untuk membantu meningkatkan pengeluaran akuakultur negara bersempena dengan aspirasi negara, pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga ekonomi negara. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK -9) 2006-2010, negara ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran akuakultur dari 200,000 metrik tan pada tahun 2004, kepada 600,000 metrik tan menjelang 2010. Penubuhan AKUATROP adalah untuk membantu kerajaan dan industri akuakultur untuk meningkatkan pengeluaran mereka. AKUATROP akan memainkan peranan penting dalam pembangunan sumber manusia dan R&D&C -Research, Development and Commercialization (Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan) dalam akuakultur.

PENGENALAN AKUATROP
INSTITUT AKUAKULTUR TROPİKA



SEJARAH PENUBUHAN AKUATROP

- Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) – 2000
- Mula beroperasi pada tahun 2000
- Berstatus sejariah sejak 3 Oktober 2000
- Memperkenalkan teknologi seluruh dunia dalam pengeluaran dan teknologi pengeluaran
- Mengintegrasikan pengeluaran ikan, ikan laut dan benih ikan yang berkualiti bersama-sama dengan teknologi pembiakan dan pengeluaran ikan
- Mewujudkan teknologi pengeluaran ikan yang berkesan dan berkesan
- Mewujudkan teknologi pengeluaran ikan yang berkesan dan berkesan

INFRASTRUKTUR TERNAK DAN PENYELIDIKAN



**Institut Oseanografi
Dan Sekitaran (ILOS)
dan Institut Akuakultur
Tropika (Akuatrop)**
merupakan destinasi
lawatan dan taklimat
untuk peserta kayuhan
dan para pengunjung
Jelajah Forum & Ekspos
MAMPAN Peringkat
Negeri Terengganu 2016
pada pukul 10.00am
- 11.30 am bertarikh
17 September 2016
bertempat di **Universiti
Malaysia Terengganu**

Public - Private Research Network

PPRN (Public –Private Research Network) ialah Inisiatif inovatif Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia. Dalam kepesatan pembangunan ekonomi negara, IKS secara tidak langsung menerima tempias dari perubahan yang berlaku kini. Oleh itu satu pembaharuan perlu dilaksanakan agar IKS mampu memenuhi permintaan pengguna dengan kualiti yang terjamin. Keterbatasan kajian dan cabaran yang dihadapi oleh pakar akademik mengenai pemasaran dan pengalaman, manakala IKS pula kurang kajian penyelidikan tentang teknologi tinggi merupakan salah satu faktor pembentukan PPRN.

Dengan demikian PPRN menjadi wadah baru untuk para akademik dan usahawan IKS bergandingan menjalinkan kerjasama inovasi supaya dapat menambah baik qualiti dan nilai produk yang ditawarkan. Menurut **Dr. Ing. Muhammad Akmal bin Johar** dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan perkilangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, bakat terpelajar dipacu nilai melalui pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPRN) yang boleh dipecahkan kepada 10 bahagian. Salah satu skop yang ditekan oleh beliau iaitu Ekosistem Inovasi. Menurut beliau, Ekosistem Inovasi ialah kerjasama secara lingkaran empat pihak (quadruple helix) yang lebih akrab melibatkan akademia, industri, kerajaan, dan komuniti tempatan yang saling bekerjasama menggunakan sumber sediaada untuk mewujud, membangun dan mengkomersilkan idea-idea baru samada berdasarkan technology-driven atau market-driven. Melalui pendekatan ini pelbagai inovasi dapat ditengahkan secara tidak lansung dapat membentuk gandingan baru demi kesejahteraan bersama.

Objektif utama PPRN ialah untuk mewujudkan knowledge friendly ecosystem iaitu persekitaran di mana pengetahuan dihasil dan disebarluaskan dari mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran kepada pihak yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran berkaitan. Kumpulan sasaran program PPRN ialah syarikat pemilik pengusaha perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia dan penyelidik pensyarah university yang berminat dengan penyelidikan berkaitan IKS. Gerak kerja proses PPRN bermula apabila syarikat membentangkan permasalahan teknologi atau bidang yang berpotensi untuk meningkat produktiviti. Kemudian PPRN akan pula mengenalpasti kumpulan pakar atau penyelidik yang berpotensi menyediakan dan membangunkan teknologi untuk menyelesaikan masalah mengikut keperluan syarikat. Setelah kedua proses ini berlangsung dan jalan penyelesaian telah diperolehi, syarikat dan PPRN akan bersama-sama

membaiayai kos pembangunan projek mengikut nisbah komitmen PPRN dan syarikat.

Skop pembangunan projek pprn merangkumi 3 bahagian iaitu pembangunan dan inovasi produk, pembangunan inovasi proses dan peningkatan nilai dalam rantaian bekalan. Pembangunan dan inovasi produk menjurus kepada membangunkan produk baru, perkhidmatan, perisian atau salah satu daripadanya untuk

penambahbaikan serta menginovasi produk sedia ada untuk keperluan pasaran. Manakala, pembangunan inovasi proses pula ialah melaksanakan proses pengeluaran, kaedah penyampaian atau perkhidmatan baru dengan penambahbaikan yang signifikan. Selain itu inovasi proses, memperbaiki proses pengeluaran untuk tingkatkan kecekapan serta membangunkan proses untuk meningkatkan proses output. Untuk peningkatan nilai dalam rantaian bekalan pula, PPRN logistik dan membantu membangun penyelesaian sistem maklumat.

Sesi Penerangan Program Public-Private Research Network (PPRN) oleh UMT dijadualkan berlangsung pada pukul 9.30-10.00 am bertarikh 17 Sep 2016 di Jelajah Forum & Ekspos MAMPAK Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertempat di Pusat Perdagangan Terengganu, Kuala Terengganu.

Teroka Khazanah Laut

Secara umumnya, dunia kelautan atau oseanografi hanya diketahui kerana peranannya dalam industri perkapalan, cari gali minyak serta perikanan. Laut sebenarnya satu ekosistem biodiversiti yang menyimpan khazanah marin atau mempunyai kepelbagaiannya biologi yang tinggi dan tidak semua negara memilikinya.



Sekiranya sesbuah negara mempunyai pantai atau laut sekali pun, ia tidak semestinya mempunyai keupayaan meneroka sumber diversiti flora dan fauna lautnya kerana faktor kemampuan dan kepakaran yang terhad. Masalah kedua pula adalah eksloitasi berterusan tanpa kawalan akhirnya akan menyebabkan kepupusan sumber diversiti flora dan fauna tersebut.

Sebab itu, penerokaan terhadap sumber biodiversiti flora dan fauna yang masih belum diketahui secara berterusan perlu dilakukan bagi menentukan dan mengenal pasti nilai kekayaan yang dimiliki oleh negara yang dikelilingi laut ini. Sektor perikanan laut Malaysia menyumbang sebahagian besar, iaitu 80 peratus penghasilan ikan negara, manakala baki 20 peratus lagi adalah daripada industri akuakultur.

Kekayaan sumber laut yang berkekalan bergantung sepenuhnya kepada kesihatan dan kelestarian biodiversiti ekosistem. Masa kini, pelbagai gejala sedang melanda persekitaran laut seperti perubahan habitat, iklim, pencemaran dan eksplorasi lampau, yang merupakan ancaman serius kepada sektor perikanan.

Kekayaan itu bukan semata-mata bermaksud nilai keseluruhan sumber dalam ekosistem marin tetapi jumlah, jenis atau varieti spesies di dalamnya. Lebih bermakna jika penerokaan tersebut menemukan sesuatu yang baharu termasuklah penemuan spesies marin yang belum ditemukan atau diketahui sebelum ini. Salah satu daripada langkah awal ke arah menangani cabaran itu adalah meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan kepakaran bidang taksonomi sumber biodiversiti marin.

Berkongsi kejayaan terbaru itu, Ekspedisi Saintifik Iktiofauna yang julung kali dijalankan sekitar perairan perairan Pulau Bidong, Terengganu telah berjaya menarik perhatian apabila kumpulan tersebut kemungkinan besar menemukan spesies ikan yang baharu. Spesies ikan tersebut adalah dari famili ikan blennid bersirip tiga (Tripterygiidae), iaitu satu jenis ikan dari famili ikan blen yang masih belum diketahui nama spesiesnya.

Menurut pengarah ekspedisi Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar yang juga Dekan Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kumpulannya telah menemukan spesies berkenaan di kawasan terumbu karang sebelah barat daya Pulau Bidong.

Sedutan dari artikel oleh Laupa Junus terbitan Utusan Malaysia bertarikh 25 Januari 2016.

Sesi Forum bertajuk '**Menyingkap Khazanah Laut Cina Selatan**' dijadualkan berlangsung pada pukul 2.00-4.00 pm bertarikh 17 September 2016 di Jelajah Forum & Ekspos MAMPAN Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertempat di **Pusat Perdagangan**

Terengganu, Kuala Terengganu. Antara lain Forum bakal meninjau:

- Apakah nilai khazanah Laut Cina Selatan kepada Negara
 - Apakah ancaman-ancaman yang dihadapi
- Apakah peranan UMT dalam menyingkap khazanah ini
 - Peluang keusahawanan yang boleh dicipta
- Bagaimana untuk memelihara dan memperkaya khazanah yang ada

Batik canting

Perusahaan batik di Malaysia dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu Batik Blok, Batik Tulis, Batik Skrin serta Batik Pewarnaan Asli, dan setiap satunya corak rekaan batik mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Melihatkan kepada ciri-ciri eksklusif pada fabrik ini, batik turut diolah untuk pelbagai guna seperti untuk fesyen tradisional dan kontemporari termasuk aksesori tambahan serta hiasan dalaman.

Batik memperlihatkan kelainan mengikut jenis kain yang digunakan seperti kain kapas, kain sutera, campuran kain sutera dan kain kapas, kain rayon, kain voile, kain organza serta kain chiffon. Kehalusan jahitan sulaman serta jahitan manik yang disuaipadankan pada batik menyerlahkan lagi keanggunan pemakai. Pengeluaran komersil Batik Tulis di Malaysia hanya bermula sekitar tahun 1960-an dan memuncak pada awal tahun 1990-an. Pengeluarannya tidak lagi tertumpu kepada Kelantan dan Terengganu, malah telah berkembang ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka, Pekan di Pahang dan Sabah.



Pengeluaran Batik Tulis dibuat dengan menggunakan canting. Canting merupakan bekas tembaga kecil bagi menakung lilin cair yang panas didalamnya serta mempunyai saluran kecil yang dapat mengeluarkan lilin cair. Ia mempunyai pemegang supaya mudah digunakan. Canting disikan dengan lilin panas dan dilukiskan melalui hujung saluran canting ke atas kain yang telah diregangkan di atas pemidang mengikut rekacorak yang dikehendaki. Kain yang telah dicanting diwarnakan, dikeringkan, dimatikan warna dan direbus bagi mengeluarkan lilin sebelum dikeringkan sekali lagi.

Pengusaha batik di Kelantan dan Terengganu merupakan perintis kepada perkembangan batik di negara ini. Hasil hasil batik tempatan tinggi mutu ciptaan dan rekacoraknya dan ianya melambangkan kerja tangan masyarakat tempatan.. Batik Terengganu dari Malaysia terkenal dengan batik canting. Corak yang dihasilkan menerusi proses canting adalah unik untuk setiap kain dan prosesnya agak memakan masa.

Sesi ‘Canting Batik’ untuk pengunjung bakal diadakan sewaktu perjalanan Jelajah Forum & Ekspo MAMPAN Peringkat Negeri Terengganu 2016 bertarikh 17 September 2016 bertempat di **Pusat Perdagangan Terengganu, Kuala Terengganu**

Latar Belakang



Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) ditubuhkan sebagai pelengkap bagi menjayakan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Secara amnya, Dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadan, kos efektif dan lestari yang dikehendaki oleh masyarakat yang mementingkan pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan awam.

Perbadanan ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673). Perbadanan secara rasminya telah ditubuhkan pada 1 Jun 2008 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ia mempunyai kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Peranan Perbadanan adalah untuk memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien, bersepadan di samping memberikan kepuasan yang lebih baik kepada pengguna dari segi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Star Gym - look good, feel great



Star Gym merupakan sebuah pusat kesihatan dan kecergasan yang buat masa ini mempunyai 1 outlet di Kuantan dan menawarkan waktu operasi yang paling FLEXIBLE. Antara fasiliti yang disediakan di Star Gym adalah shower room dan toilet yang berasingan jantina, locker, mini bar, dan surau untuk kemudahan bersama.

Mereka juga mengadakan usahasama bersama BoraBora Fitness untuk aktiviti Zumba kepada ahli wanita. Penyertaan Star Gym di Jelajah Forum dan Ekspos MAMPAN kali ini memberikan kelainan dengan mengadakan pertandingan “Plank Challenge” kepada pengunjung-pengunjung, untuk menguji kekuatan mental dan fizikal selain mempromosikan gaya hidup yang sihat.

Sejarah Ringkas



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui Penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

Loghat Terengganu

- agah** - sompong
anguh lettong - sangat hangus
anok branok - anak beranak
ape ke jadoh mung ning - apa ke hal kamu ni
atah lambo - atas beranda
atah retok - atas titi
auu gok - tak tahu lah
babeei - degil
bahang rambang - mengarut (contohnya buat kerja tak ikut prosidur/tak teratur)
bahang/tibang/godang - pukul
bala soh - surau
bape yya - berapa rial (berapa ringgit)
bata golek - bantal peluk yang panjang
bedo'oh - lebih-lebih
belebe beghong - membebek (kuat membebek)
beng ikang - van yang bawa ikan
beso jallo - sudah besar/dah dewasa (orang)
besor bapok - sangat besar
besor gong - sangat besar
besor jereguk - sangat besar
biar soheh - biar betul/ biar confirm
bising bango - sangat bising
boloq woq - serabut (keadaan)
boyeh - buncit
buleh pekdoh - dapat padah
busuk bango/busuk kohong - sangat busuk (bau)
cekit
cobek - cuil (contohnya cubit kuih sedikit)
comel lote - sangat comel
culah - cuai
derak - keluar berjalan-jalan
- dok dang starang** - betul-betul tak sempat
dok rok cettong - tak boleh diharap
dok rok meppeh - sangat2 tak larat
dok sabboh - tak sesuai
dok tau starang - tak tau langsung (starang tu perkataan menguatkan perkataan 'tak tau')
dulli mung - apa kau peduli
gateh/gohek - kayuh basikal
gege - bising
gelak guguk - sangat gelap (tak nampak apa)
gi selalu - pergi sekarang
glebek nyeng - gatal (macam mengada-ngada la)
guaner balah? - macam mana?/apa cerita?
guaner gamok? - Apa khabar?
gugha bewok - bergurau yang melampau (boleh menyebabkan pergaduhan)
hok tule - yang sama
Hungga - menerpa
ikang aye - ikan tongkol
iseng - gila
itang legang/itang bletung - sangat hitam
jereba - terkam
jluwah - comot
kalang - pensil
kecik tuwek/kecik tuek - sangat kecil
kecok - orang sakit sebelah kaki berjalan.. itu la dinamakan kecok
kehek - keluarkan semula dari mulut gemok
kekgi - kejap lagi
kelecak baghak - terpelanting
keleik - balik

kelek wak lari - kendong bawa lari
kellong/plekong - baling
keloh - berkelah
kepeh blepeng - sangat kempis
ketik nyamok - digigit nyamuk
khekoh - gigit
kona lepe - corner baring
korang - alat kukur kelapa
kutir - cubit yang menyakitkan
lembek - tilam
maghi sokmo - datang selalu
maha ge bedil - mahal sangat
Mak Nga - cuai
mamoh - kunyah
manih leting - sangat manis
masang rebang - sangat masam
meroh merang - sangat merah
musing ketang - berpusing (seolah-oleh pening)
musing ligak - berpusing dengan laju
nakok pahik - sangat penakut
nawok - tipu
ngatok mate - mengantuk
ngerek awek - bawa awek
nipih nayyang - sangat nipis
nisang - gula melaka
nyakik nyamang - jaga tepi kain
nye nyeh - mengejek (dalam bergurau)
nyekik - menyampah
pahik lepang - sangat pahit
panah ketik - sangat panas (api)
panah ketik/panah dering - sangat panas (api/cahaya matahari)
panah sang - terasa sangat panas (marah)
pelawok - tipu
pendek keto' - sangat pendek
penoh nembok/penoh rumbu - sangat penuh sampai melimpah
plastik ghokghak/jabir/ghajuk - plastik
puah - boring
puah sang - keborongan
punoh jahanang/ punoh ranoh - rosak teruk
putih slepput - sangat putih

puwok-puwok mung - kawan-kawan awak
ranggoh/kedaghoh - makan dengan gelojoj
rengang lepong - sangat ringan
sabboh doh - sesuai dah
sapok jauh - sangat jauh
se - satu
se'eh perok - sangat kenyang
seghabuk perok - stress/tension
sejuk siyat/sejuk ketto - sangat sejuk
sekat neting - sangat singkat (kain)
senyak tuppah - senyap sunyi (tak ada bunyi langsung)
Senyung Sokmo - Senyum Selalu
sepoh woh - sangat bersepah
serabut perok - sangat serabut (perasaan)
sorok - laci/drawer
suke glekek - ketawa yang teramat supe tule - sama
tak dok guaner - tak ada apa-apa
tak mboh eh - tak nak lah
takdok aghoh - habis ikhtiar
takdok arroh - tak ada daya dah
takdok pekdoh - tak ada guna dok
tawo hebbe - sangat tawar
tinggi sayuk - amat tinggi
tohok - buang
tubek - keluar
tunggu tor - tunggu kejap
tupol glebek - sangat tumpul





JELAJAH FORUM & EKspo MAMPAN

KUALA TERENGGANU 16 & 17 SEPTEMBER 2016

SEBUAH KERJASAMA



PERTUBUHAN MASYARAKAT
INTEGRITI MALAYSIA (PMIM)



DENGAN SOKONGAN



YAYASAN
AL-TARBIYAH
MALAYSIA

